

## **Guan Eng: Tiga tahun untuk selesaikan hutang RM1 trilion**

**Malaysiakini**

**9 Oktober 2018**

**Annabelle Lee**

Kerajaan memerlukan "sekurang-kurangnya" tiga tahun untuk menyelesaikan hutangnya dan membuat pembayaran semula, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng hari ini.

"Kami akan memerlukan sekurang-kurangnya tiga tahun untuk menyelesaikan isu-isu fiskal yang disebabkan oleh hutang RM1 trilion dan bayaran (tertunggak) RM35 bilion hasil GST dan cukai pendapatan," katanya kepada pelabur-pelabur semasa persidangan "Malaysia: A New Dawn" di Kuala Lumpur hari ini.

Jumlah RM35 bilion itu adalah gabungan dana pembayaran balik GST sebanyak RM19 bilion yang belum selesai manakala RM16 bilion lagi adalah untuk pembayaran balik cukai pendapatan belum dilaksanakan.

Mengaku bahawa proses pemulihan ini akan "menyakitkan", Lim berikrar akan mengembalikan semua pembayaran balik cukai tertunggak kepada pihak yang sewajarnya.

"Ini mungkin menyakitkan, tetapi wang ini bukan milik kerajaan.

"Dan pentadbiran ini telah menjadikannya sebagai penting untuk memulangkan RM35 bilion kepada syarikat dan rakyat Malaysia.

"Walau bagaimanapun, faedahnya, pengembalian semula wang ini pasti akan bertindak sebagai rangsangan utama untuk dibelanjakan dan pelaburan sektor swasta kita," kata Lim.

Menteri itu turut menegaskan bahawa pentadbiran BN terdahulu sepatutnya dipersalahkan berhubung keadaan ekonomi negara hari ini.

Katanya, BN bukan sahaja terlibat dalam "perakaunan kreatif", malah mereka juga melebihi pendapatan kerajaan.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malysiakini.com/news/446549>